

# Nasihat terakhir PM kepada pembangkang

BH 31/10/2003 - 4 PRECISE

Oleh Kadir Dikoh, Misiah Taib, Wan Hazmir Bakar, Salina Abdullah, Ridzuan Yop dan Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Sehari sebelum persaraannya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan Pas supaya menerima hakikat bahawa orang Umno juga adalah pengikut agama yang sama dan berpegang kepada ajaran Imam al-Shafie.

Kerana itu kata Perdana Menteri, tidak harus ada perbezaan dari segi agama antara Umno dan Pas.

"Walaupun dari segi pendekatan politik mungkin ada perbezaan, tetapi janganlah membabitkan agama, kerana kita adalah daripada satu agama," katanya ketika ditanya mengenai nasihat terakhirnya kepada parti-parti pembangkang di negara ini termasuk Pas, sebelum persaraannya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan buat kali terakhir Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini, petang semalam.


Dr Mahathir yang bersara hari ini, turut menasihatkan pembangkang mereka perlu terus bergiat dalam politik kerana negara ini memerlukan pembangkang.

Jika tidak katanya, mungkin parti kerajaan tidak akan ditegur kalau ia membuat sesuatu kesalahan.

Namun demikian, beliau berharap parti pembangkang berpegang kepada kebenaran dan tidak membuat sesuatu yang tidak baik seperti melemparkan tuduhan tidak berasas serta melemparkan fitnah terhadap parti lain.

"Saya harap mereka (pembangkang) akan membuat teguran yang mempunyai asas yang benar, tidak sengaja mencipta kesalahan yang tidak ada.

"Saya juga berharap mereka akan menghargai kejayaan Malaysia dan tidak menidakkkan kejayaan Malaysia apabila bertemu dengan orang asing di negara asing, kerana kita amat sedih, kadang-kadang mereka melemparkan tuduhan terhadap negara sendiri kepada orang



DR MAHATHIR berbual dengan Dr Siti Hasmah di depan Jabatan Perdana Menteri, di Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar

asing yang memburukkan negara kita," katanya.

Ditanya pandangan beliau terhadap pembangkang sepanjang 22 tahun menerajui negara, beliau berkata kehadiran pembangkang memang diperlukan tetapi mereka haruslah menegur berasaskan kebenaran, bukannya melemparkan tuduhan tidak baik.

Katanya, sesuatu yang aneh di negara ini adalah kempen tidak pernah berhenti dari sebelum sehinggalah selepas pilihan raya.

"Di negara demokratik yang lain, kempen diadakan sebelum pilihan raya, selepas pilihan raya semua pihak akan berbaik semula dan tidak ada kempen secara berterusan.

"Di Malaysia ini (kempen) tidak ada berhenti langsung. Sepanjang masa kempen diadakan untuk memburukkan kerajaan dan kerajaan terpaksa menghabiskan masa yang banyak untuk mempertahankan diri, sedangkan kerajaan mempunyai tanggungjawab dan tugas-tugas lain.

"Jadi ini membazirkan masa kita sehingga ada yang tidak bekerja langsung, tidak ada lain, duduk di kedai kopi, cuma untuk nak bincang politik, kadang-kadang dengan cara yang tidak baik," kata beliau.

Kepada kaum Yahudi, Dr Mahathir menasihatkan mereka supaya tidak menganiayai orang lain seperti mana yang mereka sendiri pernah lalui.

Beliau berkata, walaupun kaum Yahudi telah menempuh sengsara yang dahsyat, mereka perlu menginsafi betapa ketika mereka dizalimi oleh bangsa Eropah, negara-negara Islam yang menjadi tempat mereka lari mencari perlindungan.

Katanya, orang Yahudi perlu ingat betapa umat Islam yang menghulurkan bantuan ketika mereka dizalimi orang Eropah dan mereka juga tidak harus terus menganggap sebagai bangsa terpilih dan tidak boleh dikritik.

"Orang Islam tidak pernah menzalimi kaum Yahudi, tetapi mereka kini bersikap seperti mana bangsa Eropah yang menzalimi mereka, kali ini terhadap umat Islam," katanya.